

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
RAHMAN [PASIR MAS]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik penyedia latihan yang terkesan sepanjang wabak pandemik COVID-19 sehingga terpaksa menutup operasi dan apakah perancangan Kerajaan untuk membantu golongan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah menyediakan platform bagi Penyedia Latihan untuk mendaftar dan mempromosikan kursus-kursus latihan kepada majikan yang berdaftar. Setakat 30 Oktober 2021, sejumlah 6,793 Penyedia Latihan telah berdaftar dengan PSMB.

Daripada jumlah tersebut, 880 Penyedia Latihan telah tamat tempoh sah dan belum memperbaharui sijil mereka. Namun begitu, PSMB sentiasa memberi ruang kepada Penyedia Latihan untuk mendaftar semula dan seterusnya mempergiat aktiviti latihan bagi menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja negara.

Dalam tempoh pandemik COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan yang secara tidak langsung menyokong dan membantu Penyedia Latihan untuk kekal beroperasi. Melalui Inisiatif PENJANA HRD Corp, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM475 juta yang dibayar kepada 1,800 Penyedia Latihan dan memberi manfaat kepada 85,527 individu.